

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	18 MARCH 2015

## PM tidak perlu melatah

Sinar Harian - 18/3/2015

**SHAH ALAM** – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak perlu melatah dan memberi penjelasan mengenai isu pembelian jet baharu oleh kerajaan seperti di dedahkan pembangkang.

Setiausaha Veteran Umno, Datuk Mustapha Yaakub berkata, ini kerana dikhuatiri kenyataan Najib hanya akan dimanipulasi oleh pembangkang.

“Apabila pembangkang memainkan sesuatu isu, mereka memang mahu jawapan dari mulut Najib. Kemudian, mereka akan memutar-belitkan kenyataan Najib tersebut.

“Najib tidak perlu melatah sebaliknya pegawai beliau perlu bertindak jawab isu sebegini dengan baik. Malah, pemimpin Umno di peringkat bahagian juga boleh berperanan beri penjelasan kepada rakyat,” katanya, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas desakan Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli supaya Najib berterusterang dan tidak mempergunakan penjawat awam untuk mengelak daripada menjawab isu pembelian jet baharu.

Ia susulan kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri kelmarin bagi menjawab pendedahan Rafizi mengenai pembelian pesawat baharu jenis ACJ320 oleh kerajaan menggantikan pesawat Boeing Business yang berusia 16 tahun.

Bagaimanapun, Mustapha tidak menafikan pendedahan pembangkang mengenai pembelian jet baharu itu boleh menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.

“Rakyat yang tidak tahu perkara sebenar mungkin mempercayai cerita pembangkang. Apatah lagi isu ini dimainkan ketika rakyat dibebani dengan kenaikan harga barang dan minyak yang tidak menentu.

“Sudah tentu rakyat akan mempersoalkan keperluan membeli pesawat baru ini. Sedangkan, itu hanya rancangan pembangkang untuk menggambarkan sikap Najib yang kononnya suka bermewah-mewahan,” katanya.